

Kerajaan komited majukan prasarana

Sungai Buloh: Pembinaan Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) membuktikan komitmen kerajaan untuk menyediakan prasarana pengangkutan awam yang efisien dan selesa kepada rakyat.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata projek itu juga menunjukkan kerajaan memenuhi keperluan rakyat, selaras prinsip "Rakyat Didahulukan, Pencapa-

ian Diutamakan".

Beliau yang juga Pengerusi MRT Corp berkata, projek MRT adalah sebahagian daripada rangkaian rel Lembah Klang yang komprehensif dan integrasi dengan perkhidmatan rel yang lain.

"Beberapa stesen sepanjang jajaran ini akan berintegrasi dengan stesen Komuter, LRT, Monorel dan ERL," katanya dalam ucapannya pada majlis pelancaran operasi fasa pertama

MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) di sini, semalam.

Ali turut memberitahu Rapid Rail Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd dilantik sebagai pengendali MRT SBK.

Peroleh akreditasi

Rapid Rail juga mengendalikan perkhidmatan bas pengantara MRT dan jualan tiket serta pengurusan di stesen.

Beliau juga mengumumkan MRT Corp berjaya memperoleh

akreditasi Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO9001:2015 untuk projek MRT SBK.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyaksikan penyerahan sijil ISO9001:2015 kepada MRT Corp, syarikat pembinaan dan pemaju projek kereta api pertama di Malaysia.

Sijil disampaikan Pengerusi Sirim Berhad, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali kepada Ketua Eksekutif MRT Corp, Datuk Shahril Mokhtar.